

# Jadikan membaca budaya ilmu rakyat

Angkat akhlak bangsa, benteng diri daripada mudah terpedaya anasir jahat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kepesatan dunia digital khususnya media sosial sedikit sebanyak melunturkan minat masyarakat khususnya anak muda dalam menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya penting, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, membaca sewajarnya dijadikan satu budaya ilmu yang menjadi terapan buat seluruh rakyat, khususnya anak muda dalam usaha mengangkat nilai dan akhlak sesebuah bangsa.

Anak muda hendaklah menjadikan budaya membaca ini sebagai satu amalan yang bukan saja bertujuan untuk mencari ilmu, tetapi juga membantu dalam memperbaiki sahsiah diri.

"Malaysia dan (kerajaan) Malaysia Madani ini tidak mungkin terangkat tanpa akhlak dan nilai serta kesediaan anak-anak muda

untuk membudayakan ilmu dengan pembacaan yang meluas.

"Sementara adanya media sosial, saya tak pertikai kewujudannya, tetapi percayalah bahawa manusia yang ada akhlak dan ilmu mesti dia mula dengan tradisi membaca secara serius.

"Kalau mahu angkat martabat negara ini caranya bagaimana, membaca (sahajalah caranya)," katanya ketika berucap merasmikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) kali ke-40 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

PBAKL tahun ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan 211 syarikat dan penerbit dari dalam dan luar negara membabitkan 812 ruwai.

Paling memberangsangkan pesta buku kali ini turut menyasarkan kehadiran sejuta pengunjung yang berlangsung bermula semalam hingga 4 Jun ini.

Melalui penganjuran kali ini, PBAKL menyasarkan penjualan hak cipta dengan nilai kontrak keseluruhan RM6 juta, yang mana jumlah itu berdasarkan sasaran 300 perjanjian hak cipta yang akan dilakukan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, anak muda perlu didehad dengan ilmu membaca bagi

mengelakkan mereka tidak mudah terikut dengan dakyah pihak yang suka menabur budaya kebencian dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

Justeru, beliau berkata penganjuran PBAKL tidak seharusnya diambil ringan.

"Ini bukan pesta biasa, ucapan saya hari ini (semalam) adalah ucapan merayu pemikiran anak muda. Ubahlah dan mulakan budaya baharu iaitu budaya membaca bersungguh-sungguh.

"Walaupun saudara tahu bila kita berikan bantuan e-Wallet dan dana buku kepada mahasiswa (yang mana motifnya) juga menggalakkan membaca dan menghidupkan penerbitan buku dalam pelbagai bahasa meliputi bahasa Melayu, Cina, Tamil, Arab dan Perancis.

"Saya mahu pesan, mulakan satu yang tradisi baik dalam kalangan anak muda. Mesti tanam semangat dan minat untuk membaca serta menilai orang, selain daripada akhlak dan ilmu adalah dengan minatnya untuk membaca," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri ketika meluangkan masa meninjau pameran sempat singgah ke Gerai The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd (NSTP).

Kehadiran Perdana Menteri disambut Ketua Pegawai Operasi Print Tower Sdn Bhd (PTSB), Luqman Adrine; Pengurus Besar



Perdana Menteri menerima cenderahati sebuah buku daripada Ketua Pegawai Operasi Print Tower Sdn Bhd, Luqman Adrine pada masa majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam.

Jualan dan Edaran Akhbar NSTP, Prakash Munusamy dan Pengurus Pembangunan Perniagaan Dan Projek Khas NSTP, Tengku Kaifimirza Tuan Cherit@Tengku Hamzah.

Sempena PBAKL, NSTP turut membuka gerai dan mengedarkan akhbar cetak serta digital BH, *Harian Metro* dan *New Straits Times* tajaan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) kepada pengunjung.

NSTP turut menjual novel umum dan remaja yang pernah memenangi Sayembara Novel Remaja dan Kanak-Kanak anjuran BH.

Antara buku dijual ialah 'Rel dan Ini Kisah Adham, Saya dan Awan Shiro, masing-masing hasil nukilan Aminah Mokhtar dan Mazni Md Ramly dinobatkan sebagai pemenang utama Sayembara Novel Remaja dan Novel Kanak-Kanak BH.